

16/09/2003

Cara lain pantau motosikal dikaji

KUALA LUMPUR: Kementerian Pengangkutan akan mengeluarkan butiran lanjut mengenai pemansuhan cukai jalan bagi motosikal di bawah kuasa enjin 150cc serta mencari jalan bagaimana memantau kenderaan itu, kata Menterinya Datuk Chan Kong Choy.

"Kita sedang menyiapkan butirannya. Kita hendak mencari jalan bagaimana mengawasi motosikal jenis ini kerana pemiliknya tidak perlu membayar cukai jalan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat serantau pelaut Persekutuan Pekerja Pengangkutan Antarabangsa (ITF) dan mesyuarat Jawatankuasa Serantau ITF Asia-Pasifik di sini, semalam.

Sebelum ini, pemilik motosikal disyarat mendapatkan nota perlindungan insurans sebelum dibenarkan memperoleh cukai jalan dan mereka juga perlu mengemukakan nota itu ketika memperbaharui cukai jalan.

Melalui prosedur itu, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan polis boleh memperoleh maklumat mengenai pemilik motosikal. Ini juga memudahkan pihak berkuasa mengesan pemilik motosikal yang gagal menjelaskan saman trafik.

Ketika membentangkan Bajet 2004 di Parlimen Jumaat lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan, mengumumkan pemansuhan cukai jalan untuk motosikal berkuasa enjin 150cc dan ke bawah.

"Kita perlu sesuatu mekanisme bagi memastikan supaya ada rekod pemiliknya. Ini termasuk perlindungan insurans dan sebagainya. Ini perlu dilakukan secepat mungkin," kata Chan.

Mengenai perkara lain, beliau berkata Kementerian Pengangkutan tidak mempunyai halangan jika Penerbangan Malaysia (MAS) ingin melanjutkan umur persaraan bagi pramugarinya daripada 40 tahun sekarang.

"Saya rasa usia 40 tahun itu terlalu awal untuk bersara. Saya menggesa MAS supaya mengkaji perkara itu dengan serius dan melanjutkan usia bersara," katanya.